

**MAJLIS RAMAH MESRA PENULIS BERSAMA YAB TIMBALAN PERDANA
MENTERI**

15/04/2013

HOTEL SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg. Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar
Ketua 1 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA)

YBrs. Dr. Haji Awang Sariyan
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

YBrs. En Mohd Khair Ngadiron
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan dan Buku Malaysia

Para Sasterawan Negara

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormasti sekalian.

1. Pertamanya, marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam majlis ramah mesra pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia yang telah bekerjasama menganjurkan majlis ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan menghadiri majlis ini.
2. Sejak berabad lalu, para penulis di Alam Melayu telah memberikan sumbangan yang bermakna terhadap pembinaan, perkembangan dan kelangsungan tamadun bangsa. Kita pastinya tidak lupa akan sumbangan yang dicurahkan oleh penulis tersohor seperti Tun Seri Lanang dan Raja Ali Haji dalam mengangkat martabat kesusasteraan Melayu. Menjelang abad ke-20, dengan kemasukan pengaruh dari Timur Tengah, muncul pula penulis moden seperti Syed Syeikh Al-Hadi dan Syeikh Nurudin al-Raniri. Seterusnya pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu, atas desakan semangat nasionalisme, muncul ramai penulis yang menjadikan penulisan sebagai saluran menyampaikan kesedaran yang membawa kepada perjuangan menuntut kemerdekaan negara.
3. Pada masa itu, banyak diterbitkan akhbar Melayu, majalah, novel, puisi dan risalah yang menjadi medan menyebarkan semangat nasionalisme menentang penjajah British. Berikutan daripada perkembangan persuratan Melayu pada era tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa alam persuratan menjadi saluran membina dan mengembangkan tamadun bangsa baik dalam aspek pendidikan, ekonomi, politik dan sosial.
4. Saya melihat golongan penulis, khususnya menerusi persatuan-persatuan penulis di negara kita, telah memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara bangsa. Sejak tahun 1950-an telah muncul persatuan-persatuan penulis negeri yang sentiasa menjadi golongan pemikir masa depan bangsa Melayu. Antara kejayaan persatuan-persatuan penulis pada era 1950-

an ialah penubuhan Balai Pustaka, kemudian menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka yang dicadangkan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. Penubuhan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) pada tahun 1970 pula adalah tanda kejayaan persatuan penulis dalam usaha menyatupadukan para penulis tanah air yang menghasilkan karya dalam bahasa Kebangsaan, mempertahankan hak-hak dan kepentingan penulis serta memajukan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5. Melihat ke hadapan, golongan penulis di negara kita perlu terus dibela supaya mereka dapat menyumbang secara lebih bermakna terhadap usaha membina sebuah masyarakat yang maju, berilmu dan bersatu padu. Buat masa ini, kerajaan menerusi Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan pelbagai program membina bakat dan kemahiran penulis serta memberikan pengiktirafan kepada penulis seperti Anugerah Sastera Negara, Hadiah Sastera Perdana, SEA Write Award dan juga Anugerah MASTERA.

6. Untuk memastikan bidang penulisan dalam pelbagai genre terus berkembang seiring dengan kemajuan pesat negara kita, Kerajaan akan terus membantu golongan penulis menerusi pemberian insentif, dana dan program latihan penulis muda. Sehubungan itu sempena majlis yang diadakan pada hari ini, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan peruntukan khas berjumlah RM2 juta yang akan disalurkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membantu penulis menggiatkan usaha penghasilan karya-karya bermutu.

7. Secara terperinci, peruntukan ini akan digunakan untuk melaksanakan 5 inisiatif iaitu:

i) Pemberian bantuan kewangan sebanyak RM10,000 kepada setiap persatuan penulis bagi membiayai program pembudayaan bahasa dan sastera;

ii) Bantuan khas sebanyak RM5,000 kepada penulis yang berminat menerbitkan dan memasarkan sendiri karya yang dihasilkan. Setiap manuskrip yang hendak diterbitkan melalui kaedah ini akan dinilai oleh panel yang akan ditubuhkan oleh DBP;

iii) Program latihan luar negara untuk penulis. Menerusi program ini kerajaan akan membiayai kos menjalani kursus penulisan jangka pendek di institusi luar negara bagi penulis yang terpilih. Sebuah panel akan dilantik oleh DBP untuk merangka kaedah dan kriteria pemilihan calon yang sesuai bagi mengikuti program ini yang akan bermula pada tahun hadapan;

iv) Pembelian Buku Sastera untuk dibekalkan ke Perpustakaan Sekolah dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Sebagai permulaan, sejumlah RM500,000 daripada peruntukan khas ini akan digunakan untuk membeli karya sastera kreatif penulis negara kita yang diterbitkan oleh DBP, ITBM, penerbit swasta atau diterbitkan secara persendirian; dan

v) Menjadikan Hadiah Sastera Perdana Malaysia sebagai acara tahunan bermula pada tahun ini berbanding dwi-tahunan sebelumnya. Keputusan ini bertujuan untuk menggalakkan lebih banyak penulis menghasilkan karya bermutu tinggi dan seterusnya mendapat pengiktirafan yang sewajarnya.

8. Selanjutnya, saya mencadangkan agar DBP dan ITBM sebagai agensi yang bertanggungjawab

memajukan bidang kebahasaan, penulisan dan perbukuan negara mengkaji semula program-program yang berpotensi melonjakkan penghasilan karya penulis dalam semua bidang. Saya difahamkan baru-baru ini DBP telah melaksanakan Program Penerbitan Berpakej dalam usaha membantu penulis menghasilkan lebih banyak karya yang bermutu. Ini adalah selaras dengan matlamat kita untuk menerbitkan sekurang-kurangnya 28,000 judul buku baharu setiap tahun bagi mencapai tanda aras negara maju.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Kerajaan amat menghargai peranan para penulis yang telah memberikan sumbangan besar terhadap usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, berilmu, dan bersatu-padu. Bagi pihak kerajaan, usaha murni ini perlu sentiasa disokong supaya cita-cita mewujudkan sebuah negara maju beracuan sendiri dapat dicapai.

10. Maka sewajarnya penulis dan kerajaan bersama-sama berganding bahu membina sebuah negara bangsa bertamadun tinggi melalui industri penulisan dan perbukuan negara. Dalam hal ini, pihak kerajaan bersedia menerima cadangan-cadangan penambahbaikan dasar mahupun program bagi menjaga kebajikan penulis meliputi kemudahan berkarya, insentif, kebajikan dan pengiktirafan.

11. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada DBP dan ITBM yang telah mengambil inisiatif menganjurkan majlis ramah mesra pada hari ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara dan saudari yang datang dari seluruh pelusuk negara untuk menghadiri majlis ini. Mudah-mudahan usaha murni kita ini akan menghasilkan natijah yang baik untuk semua dan diberkati oleh Allah s.w.t.

Wabilahi al-taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatulahi wabarakatuh